

## MENELUSURI ASPEK PEMBANGUNAN INSAN BERTERASKAN KETOKOHAN *MUHADDITHĀT* PADA ZAMAN NABI SAW

Nur Saadah Hamisan@Khair  
Norullisza Khosim

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +6067986713, E-Mel: saadakhair@usim.edu.my

### ABSTRAK

*Muḥaddithāt* merupakan golongan wanita yang bukan sahaja meriwayatkan hadis tetapi juga mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Golongan pertama bagi *muḥaddithāt* adalah para sahabat Nabi SAW dalam kalangan wanita yang sempat berjumpa dan meriwayatkan hadis secara langsung daripada baginda. Para wanita ini juga mempunyai kepakaran luar biasa dalam pelbagai bidang lain yang menyebabkan mereka layak dijadikan contoh terbaik bagi wanita pada zaman ini terutama dalam aspek pembangunan insan (PI). PI boleh digarap dalam lima aspek utama iaitu rohani, intelektual, emosi, jasmani dan sosial (RIEJS). Justeru, kajian ini dijalankan bagi mencapai beberapa objektif iaitu: (1) mengenal pasti ketokohan *muḥaddithāt* pada zaman Nabi SAW; (2) mengkaji aspek PI dalam kehidupan beberapa *muḥaddithāt* terpilih; dan (3) menilai kepentingan PI bagi kaum wanita agar bersedia menghadapi cabaran masa ini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif historikal deskriptif, berdasarkan analisis teks dan dokumen. Hasil kajian menemukan beberapa faktor penting bahawa golongan *muḥaddithāt* mampu menjadi contoh terulung merentasi zaman, dan PI para wanita *sahabiyyat* ini diteladani agar kaum wanita terus diperkasakan secara adil dan saksama.

**Kata Kunci:** Hadis, *Muḥaddithāt*, Pembangunan Insan, Wanita, RIEJS

### Pengenalan

Pada zaman Nabi SAW, kaum wanita mempunyai peranan yang sama hebat seperti kaum lelaki. Mereka menyumbang tenaga, buah fikiran, kepakaran serta masa demi menegakkan kebenaran dan membanteras kezaliman. Kaum wanita pada ketika itu juga mempunyai kedudukan yang mulia dan melibatkan diri dalam pelbagai bidang yang tidak tertumpu kepada tanggungjawab domestik semata-mata. Mereka turut memberi sumbangan penting dalam pengumpulan al-Quran serta periwayatan hadis, dan peranan mereka diiktiraf kerana kedua-dua sumber ini merupakan sumber terpenting dalam hukum dan perundangan Islam.

Mengambil fokus ke atas hadis Nabi SAW, proses periwayatan telah bermula seawal zaman Nabi SAW dan ia sebuah proses yang panjang kerana konsep meriwayatkan hadis ini adalah sama dengan penyampaian ilmu yang tiada penghujungnya. Namun demikian, tidak dinafikan bahawa kebanyakan golongan perawi hadis yang mengumpulkan, menghafal, meriwayatkan, menyampaikan dan memelihara hadis adalah lelaki, wanita juga mempunyai peranan khusus dalam bidang hadis serta terlibat dalam proses periwayatan hadis. Sebagai perawi hadis, tiada perbezaan di antara kaum lelaki dengan wanita kerana syarat utama bagi hadis yang sahif menurut Ibn al-Ṣalāḥ (w. 643H/1245M) bukanlah bersandarkan jantina, tetapi harus

mempunyai “... *isnād* yang bersambung melalui periwayatan orang yang ‘*adil* lagi *dabt* dan bebas daripada sebarang penyelewengan (iaitu dalam teks atau *matn*) atau kecacatan (iaitu dalam *sanad*)” (Jasmi, 2016). Syarat-syarat ini menguatkan lagi hakikat bahawa Islam tidak membataskan kepakaran dalam sesuatu bidang dengan melihat kepada jantina sahaja, tetapi karakter serta pembangunan insan seseorang itu turut memainkan peranan yang penting.

Menariknya, ulama bersepakat bahawa tiada satu pun laporan buruk yang dicatat mahupun tersebar mengenai perawi hadis wanita, tetapi yang ada hanyalah pujian daripada ulama besar dan terkenal. Sebagai contoh, Imam al-Dhahabi (w.748 H/1347M) berkata dalam kitabnya *Mīzān al-I'tidāl*, “Saya tidak mengetahui mana-mana wanita yang dituduh memalsukan hadis.” Imam al-Shawkāni juga menegaskan bahawa, “Tidaklah dikhabarkan oleh mana-mana ulama bahawa dia menolak Hadis yang diriwayatkan oleh seorang wanita kerana perawinya adalah seorang wanita.” Kenyataan-kenyataan ini menunjukkan bahawa ulama wanita yang menyumbang peranan sebagai perawi hadis mempunyai reputasi yang baik sebagai seorang yang adil, benar dan amanah dalam ilmu dan periwayatan.

Golongan perawi wanita ini adalah ulama yang mempunyai kepakaran seperti rakan lelaki mereka dalam mengajarkan hadis dengan menghantar koleksi hadis mereka, serta bertanggungjawab ke atas proses pembelajaran pelajar yang menuntut hadis daripada mereka. Mereka dikenali sebagai *al-muḥaddithāt* (Abou-Bakr, 2003; Nadwi, 2007) yang bukan sahaja meriwayatkan hadis, bahkan turut memiliki kepakaran dalam bidang hadis. Mereka juga dikenali sebagai *al-Syaykhāt*, *al-Khayyirāt*, *al-Jalīlāt*, *al-Šālihāt*, *al-Musannadāt*, *al-Muhibbāt fī al-Hadīth* (Deraman, 2007), dan diberi gelaran *Sitt al-Wuzarā'* (menteri wanita), *Sitt al-Fuqahā'* (fuqaha wanita), *Sitt al-'Ulamā'* (ulama wanita), *Sitt al-Quḍā* (hakim wanita) dan lain-lain (Abou-Bakr, 2003).

Kepakaran wanita dalam bidang hadis turut diakui oleh orientalis Barat iaitu Ignaz Goldziher (w. 1921) yang menjadi antara pengkaji terawal yang membicarakan tempat istimewa bagi perawi wanita dalam kedudukan sanad sesuatu hadis (Sayeed, 2011). Kemudian lebih ramai ulama mula menonjolkan lagi peranan dan sumbangan mereka seperti Jonathan Berkey (1992), Zubayr Siddiqi (1993), Ruth Roded (1994), Hisham Kabbani dan Laleh Bakhtiar (1998), Omaima Abou-Bakr (2003), Asma Sayeed (2005) dan karya paling terkini dan tersendiri Akram Nadwi (2007).

Penemuan tentang bilangan wanita perawi Hadis sentiasa berubah dan terus meningkat dari semasa ke semasa. Ibn Sa‘ad dalam *Tabaqāt al-Kubrā* misalnya, menyebut lebih daripada 700 perawi wanita, manakala Ibn Hajar menonjolkan sejumlah 1543 perawi wanita dalam *al-İṣāba fī Tamyīz al-Šāhābat* (Abou-Bakr, 2003). Tambahan daripada itu, jumlah perawi hadis wanita menurut Syeikh Muhammad Akram Nadwi (2007) adalah lebih tinggi lagi. Beliau dalam kajiannya menemukan lebih 8000 ulama hadis wanita dan berjaya menerbitkan hasil kajian dalam 43 jilid, berjudul *al-Wafā' bi-Asmā' al-Nisā'* (Kamus Biografi Perawi Hadis Wanita) oleh Dār al-Minhāj dari Jeddah pada Januari 2021.

### **Ketokohan *Muḥaddithāt* Pada Zaman Nabi SAW**

Istilah *muḥaddithāt* secara hakikatnya belum wujud pada zaman Nabi SAW. Namun demikian, para ulama bersepakat bahawa golongan pertama bagi *muḥaddithāt* adalah para sahabat Nabi SAW dalam kalangan wanita yang sempat berjumpa serta meriwayatkan hadis secara langsung daripada baginda. Wanita-wanita ini juga mempunyai kepakaran luar biasa dalam pelbagai

bidang ilmu lain yang menyebabkan mereka layak dijadikan contoh terbaik bagi wanita pada zaman ini terutama dalam setiap aspek pembangunan insan.

Kaum wanita pada ketika itu sangat komited dalam menghadiri kelas bersama Nabi SAW, dan memohon pertemuan secara khusus dengan baginda. Hal ini demikian kerana mereka berkata kepada baginda, “Kaum lelaki mengambil lebih banyak masa anda daripada kami, maka tentukan kami satu hari bersama anda.” Dengan rela hati, Nabi SAW mengadakan kelas khusus untuk kaum wanita (HR al-Bukhari, Muslim dan Ahmad). Perbincangan mereka dengan baginda merangkumi pelbagai aspek termasuk subjek yang sensitif semasa sesi khas bersama wanita. Mereka juga boleh membincangkan lebih banyak topik dengan selesa bersama kaum wanita sahaja, berbanding sesi yang menggabungkan kelas dengan kaum lelaki. Rasa malu mereka tidak menghalang mereka untuk belajar lebih banyak daripada Nabi SAW, seperti yang diungkapkan oleh ‘Aisyah yang berkata: “Sebaik-baik wanita ialah wanita Anṣār; rasa malu tidak menghalang mereka untuk mendalami agama mereka” (HR al-Bukhari). Nabi SAW juga memberi mereka peluang untuk bertanya apa-apa soalan sehingga tersipu malu, dan menjawab semua soalan dengan sabar.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Akram Nadwi (2007), beliau menemukan bahawa kira-kira 2000 daripada *al-muḥaddithāt* dalam kitab beliau adalah dalam kalangan sahabat wanita, dan sebanyak 130 hadis tercatat dalam *Kutub Sittat*. Imam al-Bukhari mempunyai 31 sahabat perawi wanita dalam kitab *Ṣahihnya*, 36 sahabat perawi wanita dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, 75 sahabat perawi wanita dalam *Sunan Abū Dāwud*, 46 sahabat perawi wanita dalam *Sunan al-Tirmidhi*, 65 sahabat perawi wanita dalam *Sunan al-Nasā'ī*, dan 60 sahabat perawi wanita dalam *Sunan Ibn Mājah*. Jumlah keseluruhan hadis wanita dalam *Kutub Sittat* adalah 2764 hadis yang menampilkan seramai 2539 adalah dari sahabat perawi wanita.

Hisham Kabbani dan Laleh Bakhtiar (1998) telah mengumpulkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh semua para sahabat wanita di dalam sebuah buku yang berjudul *Encyclopedia of Muhammad's Women Companions and the Traditions They Related*. Ia sebuah kajian yang menarik untuk mengenal pasti hadis-hadis yang telah diriwayatkan oleh perawi wanita tertentu yang tidak hanya memfokuskan kepada topik yang tertentu sahaja tetapi merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Sebagai contoh, terdapat para sahabat wanita yang meriwayatkan hadis dalam isu ketuhanan, kebersihan, kewangan, kekeluargaan, kepimpinan dan lain-lain.

Sebagai perawi hadis, kaum wanita bukan sahaja mendengar hadis secara langsung atau tidak langsung daripada Nabi SAW, tetapi turut terlibat dalam menerima dan menyampaikan hadis daripada seseorang kepada orang lain. Kaedah penyampaian yang diamalkan oleh kaum wanita tidak berbeza dengan kaedah yang digunakan oleh kaum lelaki iaitu *sama'*, *qirā'at*, *ijāzat*, *munāwalat*, *mukātabat*, *i'lām al-rāwī*, *wasiyyat*, *wijādat* (Nadwi, 2007; Siddiqi, 1993). Bahkan, kebanyakan perawi wanita mendengar hadis (*sama'*), mengulangi hadis yang dihafal (*qirā'at*), menerima tradisi bertulis tertentu, sama ada secara peribadi atau surat menyurat (*mukātabat*), dan menyampaikan hadis kepada orang lain (*ijāzat*) (Abou-Bakr, 2003).

Ketokohan para perawi hadis wanita juga terserlah dalam pelbagai bidang walaupun mempunyai peranan yang besar dalam periyawatan hadis. Kebanyakan mereka mempunyai daya intelektual yang tinggi dan mampu menghafal al-Quran dan sejumlah hadis yang besar. Mereka juga terlibat dalam peristiwa penting yang turut dihadiri oleh Rasulullah SAW seperti hijrah ke Madinah, perjanjian-perjanjian yang termeterai, serta peperangan-peperangan yang tidak menghalang penglibatan wanita. *Muḥaddithāt* ini juga memegang peranan sebagai isteri,

ibu, kakak, adik, makcik, ahli keluarga, dan kawan, dan kesemua peranan dan tanggungjawab yang disandang tidak menghalang mereka untuk terus menyumbang ke arah kebaikan dan kemaslahatan ummah.

Justeru, kepentingan para *muḥaddithāt* perlu dilihat dalam kerangka yang positif kerana sumbangan besar mereka mampu menyuntik semangat wanita Muslimah untuk membangunkan diri mereka ke arah yang lebih positif. Ketokohan para perawi hadis wanita yang hidup sezaman dengan Rasulullah SAW ini juga wajar dijadikan contoh kerana mereka bukan sahaja memiliki kemahiran dan keupayaan dalam bidang hadis dan periwatananya, malah cemerlang dalam pelbagai bidang lain termasuk pembangunan insan sepanjang kehidupan mereka.

### **Pembangunan Insan Menerusi Kehidupan *Muḥaddithāt***

Secara umumnya, pembangunan insan merupakan satu bentuk pembangunan yang signifikan bagi memastikan proses perlaksanaannya berjalan dengan sempurna dan menurut syariat yang ditetapkan. Setiap bentuk pembangunan sebenarnya menuntut suatu proses, kegiatan atau usaha memajukan dan mengembangkan (*Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, 2017). Bahkan menurut Mohd Faez Ilias & Kamarul Azmi Jasmi (2011), pembangunan menuntut peningkatan atau pertumbuhan dari tahap sederhana kepada yang lebih baik, merangkumi segala aspek (Che Bakar Che Mat, et al, 2007). Selain itu, pembangunan juga merupakan satu usaha atau gerak kerja terancang yang dapat merubah dari satu keadaan kepada keadaan yang lebih baik (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2001). Daripada takrifan yang dinyatakan, didapati bahawa proses pembangunan yang dilaksanakan memiliki tujuan yang sama iaitu untuk mempertingkatkan kesejahteraan kehidupan setiap insan dalam semua aspek.

Memfokus kepada aspek pembangunan insan, *muḥaddithāt* dilihat memberi penekanan kepada setiap aspek proses tersebut. Aspek-aspek ini dapat dibahagikan kepada lima perkara utama iaitu, rohani, intelek, emosi, jasmani, dan juga sosial atau dikenali sebagai RIEJS (Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim & Mohd Shukri Hanapi, 2021). Setiap aspek ini dirumus berdasarkan kepada pandangan para pengkaji yang mengkaji tentang pembangunan insan dan dapat difahami sebagaimana yang dijelaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Aspek-Aspek Pembangunan Insan

Sumber	Aspek-Aspek Pembangunan Insan
(Saharia Ismail, 2015; Kamarul Azmi Jasmi, 2016)	Penciptaan insan terdiri daripada pelbagai aspek yang merangkumi jasmani, emosi, rohani, intelektual, dan sosial.
(Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin, 2012)	Pembangunan insan meliputi rohani dan jasmani, serta dunia dan akhirat.
(Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan, 2014; Kamarul Azmi Jasmi, 2016).	Pembangunan rohani sebagai teras dan titik tolak kepada pembangunan bersepudu.
(Norsaleha Mohd Salleh & Noor Hafizah Mohd Haridi, 2016)	Pembangunan emosi perlu diberi perhatian kerana pengabaian aspek ini memberi kesan kepada gangguan hati dan mental seterusnya kemurungan dan pelbagai permasalahan lain.
(Mazlini Adnan et al, 2016),	Pembangunan intelektual merupakan keperluan dalam memperkasa PI.

(Faizatul Najihah Mohd Azaman & Faudzinain Badaruddin, 2015).	Pembangunan jasmani dan sosial tidak boleh dipinggirkan kerana ketamadunan insan yang baik bermula daripada PI yang menekankan aspek dalaman dan luaran yang seimbang.
(Muhammad Hilmi Jalil & Fakhrul Adabi Abdul Kadir, 2013)	Pembangunan jasmani merupakan langkah awal dan keperluan asas dalam PI sempurna.
(Fazni Mat Ariffin, 2020)	Pembangunan sosial yang berkait rapat dengan elemen PI perlu diberi penekanan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat.

Rujukan: Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim & Mohd Shukri Hanapi (2021).

Berdasarkan Jadual 1, pembangunan insan dapat disimpulkan sebagai suatu proses perubahan yang dilakukan kepada setiap aspek dalam diri insan itu sendiri menerusi pembangunan rohani, intelektual, emosi, jasmani dan sosial untuk mempertingkatkan kesejahteraan kehidupan. Pembangunan setiap aspek ini dapat diteliti dalam kehidupan *muhaddithāt* menerusi kisah kehidupan mereka dan penglibatan penting mereka dalam periwatan hadis seperti berikut.

### **Pembangunan Rohani**

Aspek pertama pembangunan insan ialah pembangunan rohani. Pembangunan rohani juga disebut sebagai pembangunan spiritual, sinonim dengan setiap amalan yang dilakukan bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT (Emie Sylviana Mohd Zahid, 2019). Aspek pembangunan ini perlu diperteguh dalam perlaksanaannya kerana membantu membentuk keperibadian hebat seorang insan (Azimah Abdullah & Mohd Farid Mohd Sharif, 2019).

Tidak dinafikan bahawa para sahabat wanita khasnya mereka yang meriwayatkan hadis merupakan wanita yang kuat secara dalaman kerana mereka menerima Islam tanpa banyak bicara. Mereka percaya dengan setiap perkara yang disampaikan oleh Nabi SAW kerana setiap yang keluar dari bibir baginda adalah wahyu daripada Allah SWT. Mereka beriman dan taat akan setiap perintah yang dinyatakan melalui al-Quran.

Salah satu contoh adalah Zainab binti Jahsy RA. Beliau meriwayatkan beberapa hadis daripada Nabi SAW dan diakui kejujuran beliau dalam menyampaikan kata-kata. Jumlah hadis yang disandarkan kepada beliau yang terdapat dalam *Kutub Tis ‘at* adalah 27 hadis. Ummu Salamah memuji Zainab dengan berkata, “Rasulullah SAW sangat kagum kepada Zainab. Beliau senang sekali berbicara dengannya. Dia adalah seorang wanita yang solehah, rajin berpuasa dan solat malam.” Imam al-Dhahabi memuji bahawa: “Dia adalah seorang tokoh wanita yang mulia dalam hal ketaatan beragama, kewarakhan, kedermawanan dan kebaikan.”

Maimunah binti Harith RA pula memiliki sifat yang baik kepada sesiapa sahaja, dan mempunyai hubungan yang baik dengan para isteri Nabi SAW yang lain. Beliau juga dikenali dengan kezuhudannya, ketakwaannya, dan sikapnya yang selalu ingin mendekatkan diri kepada Allah SWT. Namanya itu menggambarkan dirinya sebagai pembawa keberkatan untuk orang di sekelilingnya. ‘Aisyah pernah berkata mengenainya, “Demi Allah, Maimunah adalah wanita yang baik kepada kami dan yang paling menjaga silaturrahim di antara kami.”

Seorang lagi wanita contoh adalah Hafsah binti Umar RA yang terkenal dengan sifat kezuhudan dan ketakwaan kerana sangat kuat beribadah. Tidak hairanlah beliau mendapat gelaran *sawwāmat* (selalu berpuasa) dan *qawwāmat* (selalu bangun malam). Beliau

meriwayatkan beberapa hadis dan dikenali sebagai penjaga mushaf al-Quran setelah bapanya wafat untuk diserahkan kepada Saidina Uthman.

### Pembangunan Intelektual

Aspek kedua pembangunan insan ialah pembangunan intelek. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2017), intelektual diertikan sebagai kemampuan (daya) berfikir dan memahami (menganalisis dan sebagainya). Bahkan menurut Ghazali Darusalam, Zainal & Naemah (2014), intelek dapat didefinisikan sebagai kemampuan mental dalam menghuraikan sesuatu perkara. Perkara ini dapat dikenal pasti menerusi sejarah hidup dan ketokohan beberapa *muhaddithāt* antaranya ‘Aisyah RA, Ummu Salamah RA, Asma’ RA, Maimunah RA, Hafsah bint Umar RA, dan Syifa Abdullah.

Menurut M. Syuhudi Ismail (w. 1416H), ‘Aisyah RA. menduduki tempat keempat dalam kalangan para sahabat yang meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW. Hanya ada tiga sahabat yang meriwayatkan hadis lebih banyak daripada ‘Aisyah, iaitu Abu Hurairah, Abdullah ibn Umar, dan Anas bin Malik. Telah dicatatkan bahawa beliau telah meriwayatkan 2210 hadis dan 174 daripadanya telah disepakati oleh Imam al-Bukhari dan Muslim (Hameed, 2000). Beliau mempunyai daya kefahaman yang tinggi terhadap hukum-hukum al-Quran, Sunnah, fiqh, faraid dan sebagainya. Beliau juga mahir dalam syair dan kesenian Islam. Dalam memuji kebijaksanaan ‘Aisyah, Imam al-Zuhri telah berkata: “Andainya dibanding ilmu yang dimiliki ‘Aisyah dengan apa yang dimiliki oleh para isteri baginda yang lain atau semua wanita di dunia ini, nescaya lebih tinggi lagi kepakaran ‘Aisyah.”

Asma’ binti Abu Bakar RA juga mempunyai memori yang sangat tajam. Jika dia mendengar sesuatu, dia pasti akan mengingatinya dan tidak akan melupakannya. Seperti ‘Aisyah, Ummu Salamah dan para *sahabiyyat* yang lain, Asma’ juga meriwayatkan hadis dan bilangan hadis yang telah diriwayatkannya ialah 58 hadis.

Seorang lagi *muhaddithāt* yang bernama Asma’ juga terkenal dengan kebijaksanaannya. Beliau adalah Asma’ binti Yazid RA yang sentiasa bersungguh-sungguh mendapatkan penjelasan hukum-hukum dalam urusan agama, sehingga beliau tidak pernah merasa malu untuk bertanya soalan kepada Rasulullah SAW terutama hal-hal yang berkaitan wanita. Beberapa ayat al-Quran dan hadis yang diturunkan dan diriwayatkan mempunyai hubungan yang penting dengan Asma’ binti Yazid. Wanita yang mempunyai ketajaman akal ini telah meriwayatkan sebanyak 81 hadis. Beliau juga digelar sebagai *Khāṭibatun Nisā*’ yang bermaksud ‘jurubicara kaum wanita’ kerana usahanya untuk memperjuangkan hak-hak wanita.

Maimunah binti Harith RA pula telah meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW sebanyak 172 hadis. 60 hadis ditakhrijkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal, dan bakinya yang lain disebut dalam kitab-kitab hadis dalam *Kutub Tis ‘ah*. Maimunah dikenali sebagai wanita yang memiliki ilmu pengetahuan yang luas, dan hadis-hadis yang diriwayatkan merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Maimunah adalah wanita terakhir yang dinikahi Nabi Muhammad SAW ketika beliau berumur 36 tahun, manakala baginda yang sudah berusia 60 tahun.

Selain itu, Hafsah binti ‘Umar RA juga memiliki keistimewaan dalam aspek intelektual. Beliau merupakan salah seorang daripada isteri Rasulullah SAW. Beliau ialah anak kepada Sayyidina ‘Umar al-Khattab yang dikenali dengan peribadinya yang mulia dan ilmu yang tinggi. Beliau adalah di antara wanita yang boleh membaca dan menulis, dan juga menyampaikan ilmu kepada yang lain. Dengan keluasan ilmunya, Hafsah telah menjadi pakar rujuk ramai para sahabat, termasuklah bapanya sendiri dalam banyak perkara. Hadis yang disandarkan kepada beliau adalah berjumlah 147 hadis yang terdapat dalam *Kutub Tis ‘ah*. Hadis-hadis yang

diriwayatkan Hafsa' sebahagian besarnya diriwayatkan secara langsung daripada Nabi SAW, dan sebahagian lainnya daripada bapanya sendiri, Umar al-Khattab.

Selain Hafsa', Syifa' binti Abdullah adalah seorang sahabat wanita yang banyak meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW. Beliau adalah guru yang diminta oleh baginda untuk mengajar para wanita lain untuk membaca dan menulis. Kebijaksanaan Shifa mendapat kepercayaan Saidina Umar kerana beliau sering mengutamakan pendapat Syifa', dan melantiknya menjadi pengelola pasar di kota Madinah.

### **Pembangunan Emosi**

Selain pembangunan rohani dan intelektual, aspek ketiga pembangunan insan ialah pembangunan emosi. Emosi merujuk kepada satu keadaan yang dialami oleh insan yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi, atau juga merupakan hasil reaksi kognitif terhadap situasi spesifik (Ghazali Darusalam, Zainal & Naemah, 2014). Pembangunan emosi dengan pengurusan yang terurus dan baik membantu membina insan yang berkualiti dan berhemah dalam tindakannya, malah turut sama memberi kesan kepada pencapaian akademik yang lebih baik daripada orang lain (Irma Kaarina Ghosn, 2001).

Salah satu contoh *muḥaddithāt* yang bertahan dengan ujian emosi adalah isteri baginda, 'Aisyah ketika berhadapan dengan peristiwa al-Ifk. Beliau difitnah melakukan hubungan dengan salah seorang sahabat Nabi SAW dan menimbulkan kekecohan di kota Madinah. Nabi SAW berdiam diri hampir sebulan lamanya tanpa penurunan wahyu, sehingga kemudiannya ayat ke-11 daripada Surah al-Nur diturunkan bagi membebaskan 'Aisyah daripada tuduhan fitnah. Firman Allah SWT: "Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu...". Allah SWT telah memelihara kesucian 'Aisyah daripada segala fitnah dan gelaran "*al-Muḥṣanāt*" yang dinyatakan di dalam Surah al-Nur merujuk khas kepada beliau sebagai wanita yang suci. Sepanjang tempoh fitnah tersebut, 'Aisyah sabar dan yakin bahawa ujian yang menimpa terselindung seribu hikmah.

Contoh lain yang melibatkan pembangunan emosi adalah kisah anak perempuan baginda iaitu Fatimah RA. Beliau pernah datang mengadu kepada Rasulullah SAW kerana letih membuat kerja-kerja rumah dan meminta izin untuk mendapatkan pembantu rumah. Lalu baginda bersabda: "Mahukah ayah ajarkan kepadamu sesuatu yang lebih baik daripada apa yang diminta? Jika hendak tidur, bacalah takbir 34 kali, tasbih 33 kali, tahmid 33 kali. Ini lebih baik daripada seorang pembantu" (HR Muslim). Lalu, zikir ini terus menemani Fatimah sepanjang hayatnya dan masih diamalkan oleh masyarakat Islam sehingga kini. Walaupun Fatimah tidak meriwayatkan sejumlah hadis yang begitu banyak, namun hadis-hadis yang telah diriwayatkan beliau telah dikumpulkan oleh ulama seperti Imam Jalaluddin al-Suyuti di dalam kitab *Musnad Fātimah al-Zahra'* dan Imam Ahmad di dalam kitab *Musnad Ahmad*.

### **Pembangunan Jasmani**

Pembangunan jasmani juga merupakan salah satu daripada aspek pembangunan insan. Aspek ini menekankan kecerdasan fizikal dan kesihatan diri, serta dapat menggunakan anggota dan tenaga fizikal untuk berdikari dan hidup bermasyarakat (Ghazali Darusalam, Zainal & Naemah, 2014). Penekanan terhadap aspek jasmani semestinya bukan terbatas kepada kaum lelaki sahaja, malah wanita perlu sihat dan cergas secara fizikal untuk bergerak aktif dalam turut

berjuang menyampaikan kebenaran. Bukankah mutiara kata mengatakan bahawa: “akal yang sihat terletak pada tubuh badan yang sihat.”

Contoh penglibatan wanita yang melibatkan aspek jasmani adalah menarik untuk diperhatikan khasnya apabila para wanita turut menyertai perperangan bersama Rasulullah SAW. Antaranya ialah Ummu Salamah RA yang turut sama dalam perperangan Khaibar, Pembebasan Makkah, pengepungan Ta’if, perperangan Hawazin, Tsaqif dan kemudian ikut bersama baginda mengerjakan Haji Wada’. Beliau dikurniakan umur yang panjang sehingga sempat menyaksikan sendiri pemerintahan Yazid bin Mu’awiyah. Imam al-Dhahabi berkata: *“Dia adalah Ummu al-Mukminin yang paling akhir meninggal dunia.”* Ummu Salamah meninggal dunia ketika usianya sekitar 90 tahun.

Asma’ binti Yazid RA juga adalah di antara para sahabat wanita yang menyertai perperangan bersama Rasulullah SAW. Antara perperangan yang telah disertainya ialah Perang Khandaq, Perang Khaibar, dan Perang Yarmuk. Perang Yarmuk merupakan kemuncak perjuangannya apabila Asma’ berperanan besar dalam menyediakan logistik bagi pasukan tentera muslimin, memberikan minuman kepada para pahlawan perang yang kehausan dan mengubati tentera yang terluka. Bukan itu sahaja, beliau berjaya membunuh sembilan orang tentera musuh dengan menggunakan tiang penyanggah khemah. Walaupun cedera parah, beliau masih hidup dan meninggal dunia 17 tahun selepas perperangan tersebut iaitu pada tahun 30H.

Selain Ummu Salamah dan Asma’, Ummu Fadhl RA juga merupakan seorang *muḥaddithāt* yang meriwayatkan 30 hadis daripada Rasulullah SAW. Hadis-hadis ini terdapat dalam *Kutub Sittah*. Bukan sahaja mahir dalam bidang hadis namun beliau amat menekankan aspek jasmani dalam kehidupannya, dan memiliki keberanian yang luar biasa. Perkara ini dapat dilihat dalam satu kisah diceritakan oleh Abu Rafi’ Mawla bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Aku dipukul oleh Abu Lahab ketika Perang Badar hingga aku menjadi lemah, Ummu Fadhl RA telah datang membantuku dengan mengambil sebatang tiang daripada tiang bilik tempat aku berada ketika itu. Beliau telah memukul kepala Abu Lahab hingga berdarah”. Dikatakan Abu Lahab meninggal dunia selepas tujuh malam dipukul oleh beliau.

Aspek kekuatan jasmani juga dapat dilihat dalam sejarah kehidupan Ummu Aiman RA. Perkara ini dilihat ketika beliau mampu berjalan kaki tanpa bekalan makanan saat berhijrah ke Madinah bersama kumpulan pertama. Beliau merupakan seorang wanita yang sangat cekal dan tidak melepaskan peluang untuk turut berjuang memerangi musuh-musuh Islam. Biarpun usianya lanjut, Ummu Aiman ikut menyertai perang Uhud. Berusaha untuk memanah, memberi minum ahli perang, dan mengubati mereka yang terluka. Selain perang Uhud, beliau juga turut menyertai perang Khaibar dan Hunain. Walaupun hadis yang diriwayatkan beliau tidak begitu banyak, tetapi antara sahabat yang meriwayatkan hadis daripada beliau adalah Anas bin Malik, Hanasy bin Abdullah al-San’ani, dan Abu Yazid al-Madani.

Tidak dilupakan juga kisah Asma’ binti Abu Bakar RA yang memainkan peranan utama dalam penghijrahan Nabi SAW. Beliau diberikan amanah membawa makanan untuk Abu Bakar al-Siddiq dan Nabi SAW yang bersembunyi di Gua Thur. Beliau datang membawa makanan dalam keadaan mengandung ke gua tersebut yang kira-kira tiga batu jauhnya di kawasan pergunungan. Rasulullah SAW menggelarnya ‘*Dhu niqatayan*’ yang bermaksud ‘Pemilik dua tali pinggang’, dan mendoakan Asma’: “Sesungguhnya Allah telah memberikan kepada kamu, sebagai gantinya untuk ikat pinggang ini, dua tali pinggang di Syurga.” (HR al-Bukhari dan Ahmad). Gelaran tersebut menjadi bukti sebagai peringatan terhadap peristiwa Hijrah yang

menyaksikan pengorbanan dan keberanian Asma' yang kuat secara fizikal dan mental dalam mengharungi cabaran.

### **Pembangunan Sosial**

Selain empat aspek pembangunan yang telah dijelaskan sebelum ini, pembangunan sosial juga merupakan salah satu daripada aspek pembangunan insan. Pembangunan sosial merupakan satu proses pembangunan yang memberi penekanan kepada insan dan sistem sosialnya serta dikaitkan dengan tumpuan kepada pengisian nilai-nilai dalam program atau aktiviti yang dijalankan (Zahir Zainudin, 2015). Pembangunan sosial adalah amat penting kerana menjadi pengimbang kepada pertumbuhan dan kemajuan ekonomi, seterusnya pembangunan negara.

Pembangunan sosial juga dapat dilihat dalam sejarah kehidupan dan ketokohan *muḥaddithāt*. Perkara ini diketahui berdasarkan kepada sifat-sifat terpuji yang hadir sepanjang hubungan yang terjalin antara sesama insan. Sebagai contoh, Zainab binti Jahsy RA yang menjadi sebutan ramai kerana sifatnya yang suka memberi dan bersedekah. Rasulullah SAW pernah bersabda, “Orang yang paling awal akan menyusuliku dalam kalangan kamu semua (iaitu isteri-isteri Baginda SAW) ialah yang paling panjang tangannya.” Maka ‘Aisyah RA berkata: “Lalu kami mengukur tangan kami. Kemudian kami mendapati Zainablah yang paling panjang tangannya (bukan kerana ukuran tangan yang lebih panjang) di antara kami kerana dia bekerja dengan tangannya sendiri dan bersedekah (dengan hasil kerjanya itu).” (HR Muslim). Sedekah mampu mengukuhkan aspek sosial dalam meringankan kesusahan masyarakat.

Aspek sosial juga dapat dilihat menerusi penglibatan *muḥaddithāt* dalam peperangan dan membantu mereka yang terlibat dengan bantuan perubatan dan makanan. Para wanita pada zaman tersebut juga sangat menjaga hubungan persaudaraan dan silaturrahim sesama mereka, Mereka dibenarkan bersosial sesama mereka selagi mana tidak melampaui batas dan bertentangan dengan syariat Islam.

Sebagai ringkasan kepada aspek pembangunan insan dalam diri *muḥaddithāt*, perkara ini dijelaskan sebagaimana dalam Jadual 2 seperti berikut.

<b>Jadual 2: Ringkasan Aspek Pembangunan Insan dalam Diri <i>Muḥaddithāt</i></b>			
<b>Aspek</b>	<b>Pembangunan Insan</b>	<b>Muḥaddithāt</b>	<b>Huraian</b>
<b>Rohani</b>	Zainab binti Jahsy		Wanita solehah, rajin berpuasa, solat malam, ketaatan beragama, dan warak.
	Maimunah binti Harith		Zuhud, takwa, dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT.
	Hafsa binti Umar		Zuhud, takwa, <i>sawwāmat</i> dan <i>qawwāmat</i>
	‘Aisyah binti Abu Bakar		Memiliki daya kefahaman yang tinggi dalam pelbagai bidang ilmu.
<b>Intelektual</b>	Asma' binti Abu Bakar		Mempunyai memori yang sangat tajam. Jika mendengar sesuatu, pasti akan diingati dan tidak akan melupakannya.
	Asma' binti Yazid		Mempunyai ketajaman akal, dan digelar sebagai <i>Khāṭibatun Nisā'</i> kerana usahanya untuk memperjuangkan hak-

		hak wanita. Menyediakan logistik peperangan.
	Maimunah binti Harith	Memiliki ilmu pengetahuan yang luas, dan hadis-hadis yang diriwayatkan merangkumi pelbagai aspek kehidupan.
	Hafrah binti Umar	Memiliki ilmu yang tinggi. Boleh membaca, menulis dan menyampaikan ilmu kepada yang lain, serta menjadi pakar rujuk.
	Syifa' binti Abdullah	Beliau mengajar para wanita lain untuk membaca dan menulis. Kebijaksanaan Syifa' mendapat kepercayaan Saidina Umar.
Emosi	'Aisyah binti Abu Bakar	Sabar ketika berhadapan dengan peristiwa al-Ifk.
	Fatimah binti Rasulullah	Mengadu keletihan dengan kerja-kerja rumah dan meminta izin untuk mendapatkan pembantu.
	Ummu Salamah	Menyertai peperangan, mengerjakan Haji Wada' bersama Rasulullah SAW.
	Asma binti Yazid	Menyertai peperangan, membunuh sembilan orang musuh.
Jasmani	Ummu Fadhl	Keberanian menentang Abu Jahal
	Ummu Aimah	Berhijrah dengan berjalan kaki tanpa bekalan makanan, menyertai perang ketika usia lanjut, dan memanah
	Asma binti Abu Bakar	Membawa makanan ke Gua Thur dalam keadaan mengandung
	Zainab binti Jahsy	Seorang yang dermawan dan suka bersedekah.
Sosial	Asma binti Yazid & Ummu Aimah	Melibatkan diri dalam peperangan dan memberi bantuan makanan, minuman serta rawatan perubatan.
	Maimunah binti Harith	Memiliki sifat baik, mesra dan menjaga silaturrahim.
	Hafrah binti Umar	Memiliki peribadi mulia.

### Kepentingan Pembangunan Insan Bagi Wanita

Pembangunan insan merupakan salah satu daripada bentuk pembangunan yang pelbagai. Kini, pembangunan insan menjadi topik perbincangan yang diberi penekanan kerana peranannya yang besar dalam membantu pembangunan institusi kekeluargaan, masyarakat, *ummah* dan tamadun insan keseluruhannya. Bahkan menurut Osman Bakar (2007), pembangunan insan merupakan teras kepada pembangunan masyarakat dan negara. Kepentingannya bukan sahaja terhad dalam melahirkan perlakuan yang mulia bersesuaian dengan nilai terpuji (Mostafa Kamal Mokhtar, 2003), malah mampu menjadi jalan penyelesaian kepada pelbagai konflik yang melanda kini (Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin, 2012), dan pelbagai lagi.

Dalam Islam, pembangunan insan adalah dituntut. Perkara ini turut ditekankan oleh Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad (2013) dengan menyatakan bahawa Islam menggalakkan pembangunan secara menyeluruh dalam setiap aspek kehidupan. Memberi fokus kepada pembangunan insan bagi wanita, sudah pasti Islam amat menekankan kemaslahatan wanita dalam segenap aspek kehidupan. Lihat sahaja apabila tuntutan rohani disebut dalam al-Qur'an, perkara ini sama sekali tidak memberi kedudukan yang istimewa kepada kaum lelaki sahaja. Namun, Allah SWT melihat ketinggian ketakwaan seseorang sebagai penanda aras bagi menjadi semulia-mulia golongan di sisi-Nya.

Begitu juga dalam tuntutan intelektual misalnya, Allah SWT mengangkat tinggi darjat seorang hamba di sisi-Nya bukan sahaja daripada kalangan kaum lelaki. Tetapi, memandang sama rata antara lelaki dan wanita dengan melihat kepada sesiapa sahaja daripada mereka yang berilmu. Keutamaan orang yang berilmu bukan sahaja terbatas dengan tingginya darjat di sisi Allah SWT (Al-Qur'an, 58: 11), malah melangkaui pelbagai keistimewaan lainnya seperti diberikan kebaikan di dunia dan di akhirat (Al-Qur'an, 2: 269), lebih takut kepada Allah SWT (Al-Qur'an, 35: 28), dan lain-lain lagi.

Apabila tuntutan sebegini tidak memberi kelebihan kepada mana-mana pihak, maka sepatutnya wanita juga perlu berusaha dan cemerlang dalam setiap aspek pembangunan insan. Pengabaian kepada salah satu aspek dan memberi penekanan kepada aspek-aspek tertentu perlu dijauhkan untuk mencapai kecemerlangan yang menyeluruh. Wanita yang cemerlang dalam segenap aspeknya bukan sahaja menjadi nilai tambah buat dirinya, malah dapat membantu orang lain di sekelilingnya sebagaimana contoh *muḥaddithāt* yang dikemukakan sebelum ini. *Muḥaddithāt* yang cemerlang dari sudut inteleknya membantu insan lain membaca, menulis dan menyebar luaskan ilmunya serta menjadi pakar rujuk. *Muḥaddithāt* yang memiliki kepakaran dan kekuatan jasmani, berjuang bersama di medan peperangan, memberi bantuan makanan, minuman serta rawatan perubatan, dan sebagainya. Oleh itu, wanita zaman ini perlu bangkit dan menjadi cemerlang dalam bidang pelbagai agar tidak dipandang rendah oleh mana-mana pihak, selain bersama membantu menggapai kegemilangan *ummah*.

Pada zaman yang kini yang serba moden, wanita digalakkan untuk sentiasa memperkasakan diri dengan ilmu dan kemahiran selari dengan keperluan mengikut peredaran zaman. Isu pemerkasaan wanita telah dibahaskan secara meluas kerana wanita menjadi tunjang kemajuan bagi sesebuah negara. Menurut Sultana dan Hasan (2010), pemerkasaan wanita boleh ditakrifkan sebagai peningkatan kawalan wanita terhadap kehidupan dan pilihannya sendiri dari segi kewangan, pengetahuan, maklumat, kemahiran, kuasa politik, dan sumber ekonomi. Debnath et al. (2019) juga telah menyebut bahawa pemerkasaan wanita tertumpu kepada pemprosesan meningkatkan status pendidikan, ekonomi, budaya, dan politik wanita dalam masyarakat, yang secara tradisinya ditindas dan diabaikan.

Advokasi bagi emansipasi dan pemerkasaan wanita adalah penting bagi menyokong aspek pembangunan insan. Hakikatnya, emansipasi wanita telah dibawa oleh Islam sejak wahyu diturunkan ke atas Nabi Muhammad SAW. Ia merupakan perjuangan yang panjang bagi membawa perubahan sosial di mana wanita bukan sekadar ‘kaum senyap’ atau ‘kaum kelas kedua’. Sokongan terhadap emansipasi wanita merupakan penolakan terhadap diskriminasi dan penindasan terhadap wanita. Ini adalah kerana Islam merupakan agama yang tidak menyekat hak wanita tetapi memuliakan wanita dengan mengakui hak-hak wanita (Nur Saadah Khair, 2020).

Wanita juga berperanan memelihara hak dan tanggungjawab mereka tetapi perlu berlandaskan agama, kerana agama adalah panduan dalam kehidupan. Peranan ini bukan terletak pada lelaki atau wanita sahaja, tetapi ia adalah tanggungjawab bersama. Penglibatan wanita di luar rumah khasnya pada zaman kini menjadi sebuah keperluan, namun ia tidak sepatutnya menjadi penghalang bagi wanita untuk memperkasakan diri mereka dalam pelbagai aspek. Ia juga tidak memberi lampu hijau untuk para wanita mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai isteri dan ibu, kerana para wanita mampu menyeimbangkan tanggungjawab mereka di dalam dan luar rumah (Adawiyah Ismail, 2018).

Keseimbangan (*wasatiyyah*) wanita dalam menguruskan keluarga dan rumah tangga telah dibuktikan oleh para sahabat wanita pada zaman Rasulullah SAW terdahulu. Sebagai contoh, Khadijah binti Khuwailid adalah seorang ahli perniagaan yang berjaya, Fatimah al-Zahra, anak perempuan Nabi Muhammad SAW yang bekerja sebagai pengangkut bekas air, dan Asma binti Abu Bakar yang menggembala kambing dan menguruskan ladang kurma bersama suaminya (Adawiyah & Salasiah Hanin, 2012). Manakala Ummu Salamah, Safiyyah, Laila Al-Ghaffariyah dan Ummu Sinam al-Islamiyah antara tokoh-tokoh wanita yang terlibat dalam peperangan, serta pelbagai sahabat wanita yang berperanan di dalam keluarga dan berbakti kepada masyarakat. Manakala dalam bidang perubatan pula, Rufaydah al-Ansariyyah, Syifa' binti Abdullah dan Rubayyi' binti Muawwiz yang terlibat dalam menyediakan khemah khusus yang berfungsi sebagai klinik untuk menjaga mereka yang sakit atau cedera sepanjang peperangan (Ummu Isra, 2019). Walaupun mereka ini terlibat dalam aktiviti di luar rumah, akan tetapi dalam masa yang sama, mereka dikenali sebagai isteri yang berilmu dan berjaya di dalam rumah bahkan ada antara mereka juga dijadikan sebagai pakar rujuk oleh para sahabat dalam persoalan hukum terutamanya yang berkaitan dengan isu wanita.

## **Penutup**

Kesimpulannya, pembangunan insan (PI) adalah suatu bentuk pembangunan yang diperlukan bagi setiap insan agar setiap elemen yang merangkumi rohani, intelek, emosi, jasmani dan sosial mampu membentuk masyarakat yang mempunyai nilai yang tinggi. Kehidupan setiap insan tanpa mengira jantina perlu menuju kesempurnaan yang hakiki iaitu mendapat keredaan Tuhan dan mencapai takwa. Allah SWT berfirman: “Wahai umat manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya).” (Surah al-Hujurat, 49: 13)

Walaupun begitu, bagi wanita, suri teladan yang terbaik sepanjang zaman untuk dijadikan contoh adalah golongan wanita yang hidup sezaman dengan Nabi SAW yang kebanyakannya adalah *Ummahat al-Mu'min*. Mereka bukan sahaja mempunyai kredibiliti dan kepakaran mereka tersendiri, tetapi persamaan mereka sebagai *mu'haddithat* menjadikan para wanita ini di tahap yang tertinggi yang menyumbang ke dalam setiap elemen PI dengan cemerlang. Para wanita tersebut juga menggalas peranan dan tanggungjawab sebagai ibu, isteri, dan ahli keluarga yang hampir sama digalas oleh setiap wanita pada zaman kini. Cabaran yang dihadapi wanita adalah kekuatan untuk setiap wanita mengambil cakna akan pembangunan insan bagi mengiktiraf Islam sebagai rahmat ke atas wanita. Islam juga merupakan agama yang menekankan aspek penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagai tambahan kepada elemen pembangunan insan untuk menghasilkan sebuah negara yang makmur, harmoni, dan sejahtera.

## Rujukan

- Abou-Bakr, O. (2003). Teaching The Words Of The Prophet: Women Instructors Of The Hadith (Fourteenth and Fifteenth Centuries). *Hawwa*, 1(3), 306–328. doi:10.1163/156920803322765155.
- Adawiyah Ismail (2018). Keluarga Berkualiti dalam Kalangan Wanita Berkerjaya. *JAUHAR*, 2(1), 20–36.
- Adawiyah Ismail, & Salasiah Hanin Hamjah. (2012). Kefahaman Terhadap Kedudukan Wanita Bekerjaya Menurut Islam. *Jurnal Al-Hikmah*, 4, 3–14.
- Azimah Abdullah & Mohd Farid Mohd Sharif. (2019). The Concept of Islamic Personality and Spiritual Development. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 9(9), 936–949.
- Che Bakar Che Mat, et al. (2007). *Pembangunan Dari Perspektif Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Debnath, D., Rahman, M. S., Acharjee, D. C., Latif, W. U., & Wang, L. (2019). Empowering Women through Microcredit in Bangladesh: An Empirical Study. *International Journal of Financial Studies*, 7(37), 2-11.
- Deraman, F. (2007). Sumbangan Wanita Dalam Bidang Hadith. *Al-Bayan Journal of Al-Quran & Al-Hadith*, 5, 201–224.
- Emie Sylviana Mohd Zahid. (2019). Pembangunan Spiritual: Konsep dan Pendekatan dari Perspektif Islam. *EJITU: E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, vol. 2, 64-87.
- Faizatul Najihah Mohd Azaman & Faudzinain Badaruddin. (2015). Nilai-Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Ghazali. *UMRAN - International Journal Of Islamic And Civilizational Studies*, Vol. 3(1).
- Fazni Mat Ariffin. (2020). Mendepani Kemajuan Negara Melalui Pembangunan Sosial. Diakses pada 24 Julai 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/02/653722/mendepani-kemajuan-negara-melalui-pembangunan-sosial>
- Ghazali Darusalam, Zainal & Naemah. (2014). Pembangunan Model Pentaksiran Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual (JERI) Di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia & Indonesia. Diakses pada 24 Julai 2021 daripada [https://www.researchgate.net/publication/305388631 Pembangunan Model Pentaksiran Jasmani Emosi Rohani Intelek JERI Di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia Indonesia](https://www.researchgate.net/publication/305388631_Pembangunan_Model_Pentaksiran_Jasmani_Emosi_Rohani_Intelek_JERI_Di_Institut_Pengajian_Tinggi_Awam_Malaysia_Indonesia)
- Hameed, F. (2000). *A Critical Study and Analysis of the Life and Achievements of Aishah, the Wife of the Prophet*. The University of Wales, Lampeter. Retrieved October 9, 2012, from <http://ethos.bl.uk/OrderDetails.do?uin=uk.bl.ethos.503579>
- Irma Kaarina Ghosn. (2001). Naturing Emotional Intelligence Through Literature. *The Forum*. Vol 39(1), 10.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). Hadis Sahih. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 39-41). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Ma-laysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES). ISBN: 978-967-0194-66-0
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). Pembangunan Insan daripada Perspektif Islam. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 102-107). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendiakiawan Pendidikan Islam Malaysia (AIES).
- Kabbani, M. H., & Bakhtiar, L. (1998). *Encyclopedia of Muhammad's Women Companions and the Traditions They Related*. Chicago: ABC International Group.
- Mazlini Adnan, et al. (2016). Memperkasa Pembangunan Modal Insan Malaysia Di Peringkat Kanak-Kanak: Kajian Kebolehlaksanaan dan Kebolehintegrasi Pendidikan STEM Dalam Kurikulum PERMATA Negara. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal Of*

- Society And Space*, Vol. 12(1).
- Mohd Faeez Ilias & Kamarul Azmi Jasmi. (2011). *Peranan Pendidikan Islam Dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama*. Sarawak: Persidangan Kebangsaan Sains Sosial.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia. Diakses pada 24 Julai 2021 daripada [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002849\\_82304\\_82803.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002849_82304_82803.pdf).
- Mostafa Kamal Mokhtar. (2003). Pembangunan Rohani Menurut Perspektif Tasawuf dan Psikologi Moden. *Islamiyyat*, Vol 24, 21-35.
- Muhammad Hilmi Jalil & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2013). Kepentingan Kesihatan Diri Dalam Pembangunan Insan: Analisis Karya Falsafah Hamka. *Jurnal Hadhari*, Vol. 5(2), 69-84.
- Nadwi, M. A. (2007). *Al-Muhaddithat: The Women Scholars in Islam*. Oxford: Interface Publication.
- Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan. (2014). Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development*, Vol. 7(1), 33-47.
- Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad. (2013). *Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awalan*. Johor Bahru: Prosiding PERKEM VIII, Jilid 1.
- Norsaleha Mohd Salleh & Noor Hafizah Mohd Haridi. (2016). Konsep Kecerdasan Emosi Dalam Islam. Seminar Antarabangsa Akidah, *Dakwah Dan Syariah 2016* (IRSYAD2016).
- Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim & Mohd Shukri Hanapi (2021). Aspek-Aspek Pembangunan Insan: Analisis Ketokohan Badiuzzaman Said Nursi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 134-146.
- Nur Saadah Khair (2020, November 23). Memahami Konsep Emansipasi Wanita. Bernama Online, akses pada (20 Mac 2021) daripada <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1903091>
- Osman Bakar. (2007). Konsep Pembangunan Insan dalam Islam. Akses pada (8 September 2022) daripada <https://muafakatmalaysia.wordpress.com/2008/11/30/konsep-pembangunan-insan-dalam-islam/>
- Roded, R. (1994). *Women in Islamic Biographical Collections: From Ibn Sa'd to Who's Who*. Colorado & London: Lynne Rienner Publishers
- Saharia Ismail. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*, Vol. 8(2), 83-99.
- Sayeed, A. (2005). *Shifting Fortunes Women and Hadith Transmission in Islamic History (First to Eighth Centuries)*. Ph.D Dissertation. Princeton University.
- Sayeed, A. (2011). Muslim Women's Religious Education in Early and Classical Islam. *Religion Compass*, 5(3), 94–103. doi:10.1111/j.1749-8171.2011.00263.x
- Siddiqi, M. Z. (1993). *Hadith Literature: Its Origin, Development and Special Features*. (A. H. Murad, Ed.). Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Sabina Sultana & Shaikh Shamim Hasan. (2010). Impact of Micro-Credit on Economic Empowerment of Rural Women. *The Agriculturists*, 8(2), 43–49.
- Ummu Isra Arafah Bayyumi. (2019). *Karena Wanita Punya Sejarah: Kisah Hidup Para Perempuan Pengukir Peradaban Islam*. Jakarta: Qalam.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2001). *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Zahir Zainudin. (2015). Pembangunan Sosial dan Kesejahteraan Negara. Diakses pada 24 Julai 2021 daripada <http://zahirzainudin.blogspot.com/2015/06/pembangunan-sosial-dan-kesejahteraan.html>